## Latihan Berbentuk Peperiksaan

**A.** Kenal pasti kesalahan tatabahasa dalam ayat di bawah.

1. Usaha membanteras kemasukan (A) pendatang asing dari (B) Indonesia dilakukan dari semasa (C) ke masa. Tiada kesalahan. (D)

2. Kain batik yang dibeli ibu (A) dari luar negara (B) itu diperbuat daripada (C) sutera yang berkualiti tinggi. Tiada kesalahan. (D)

3. Budak itu berjalan ke arah (A) ayahnya yang duduk (B) di tepi pantai untuk bertanyakan tentang (C) aktiviti mereka sepanjang hari di sana. Tiada kesalahan. (D)

4. Cikgu Razman meminta kami datang biliknya (A) untuk mengambil (B) markah peperiksaan yang diadakan pada (C) minggu lepas. Tiada kesalahan. (D)

5. Masalah terhadap (A) kebimbangan akibat (B) kenaikan harga barang menyebabkan (C) rakyat perlu berjimat cermat. Tiada kesalahan. (D)

6. Akibat hujan turun dengan lebat, (A) acara sukan tahunan (B) terpaksa ditangguhkan (C) seketika sehingga hujan reda. Tiada kesalahan. (D)

7. Rantau Abang (A) di Terengganu amat terkenal oleh (B) penyunya sehingga menggamit (C) pelancong asing ke sana. Tiada kesalahan. (D)

8. Demi untuk (A) menyelamatkan nyawanya, dia sanggup membelanjakan ribuan ringgit (B) untuk mengubati penyakitnya. (C) Tiada kesalahan. (D)

9. Budak yang duduk di antara (A) Adam dengan Asraf itu menjadi johan (B) dalam pertandingan lukisan (C) sebentar tadi. Tiada kesalahan. (D)

10. Dengan tegasnya (A) dia menyatakan bahawa perkara yang diperbesarkan (B) itu merupakan fitnah terhadap (C) dirinya. Tiada kesalahan. (D)



LIVEWORKSHEETS